

Apa yang saya jangka sedang berlaku

UM - 25/9/2020 mlb: 8

Oleh **MOHD. FADHLI MOHD. SULAIMAN**

fadhli.sulaiman@mediamulia.com.my

KUALA LUMPUR: Dakwaan Presiden PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim bahawa beliau mempunyai majoriti kukuh membentuk kerajaan baharu bukan lagi keutamaan, sebaliknya Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin perlu membuktikan yang beliau masih mendapat sokongan wakil rakyat.

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, ketika Muhyiddin membentuk Perikatan Nasional (PN) bersama-sama Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu), UMNO dan Pas sejak Mac lalu, beliau hanya memperoleh majoriti tipis iaitu sokongan 114 ahli Parlimen untuk menubuhkan Pakatan Harapan (PH).

“Umum tahu bahawa majoriti yang dipunyai beliau sebelum



DR. MAHATHIR MOHAMAD

ini amat tipis antara satu atau dua orang (wakil rakyat) sahaja. Jika seorang atau dua ahli Parlimen UMNO menarik sokongan mereka, maka hilanglah majoriti beliau.

“Yang penting sekarang ada-

lah meneliti sama ada Perdana Menteri masih mempunyai majoriti untuk kekal di kerusinya. Sama ada Anwar mempunyai majoriti adalah perkara kedua dan ini sesuatu yang perlu dia (Muhyiddin) buktikan,” katanya dalam satu kenyataan, di sini semalam.

Anwar dalam sidang akhbar tergepar di sebuah hotel di ibu negara kelmarin memberitahu, beliau mempunyai majoriti kukuh dan meyakinkan iaitu hampir dua pertiga kerusi Parlimen bagi membentuk kerajaan.

Ahli Parlimen Port Dickson itu turut mendakwa beliau mendapat perkenan menghadap Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah pada pukul 11 pagi kelmarin, namun ditangguhkan kerana baginda menerima rawatan di Institut Jantung Negara (IJN).

Situasi dihadapi Muhyiddin

dilihat tidak jelas, ditambah dengan kenyataan Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi yang menyebut ramai ahli Parlimen UMNO dan Barisan Nasional (BN) menyokong Anwar yang memberi petanda bahawa Ahli Parlimen Paghoh itu sudah hilang majoriti.

Dr. Mahathir berkata, apabila Ahmad Zahid mengatakan dia dimaklumkan ramai ahli Parlimen UMNO dan BN menyokong Anwar, boleh disimpulkan Muhyiddin hilang majoriti untuk terus kekal sebagai Perdana Menteri.

“Beliau dari awal lagi tidak mempunyai majoriti tetapi telah berjaya menutup kebenaran itu dengan membawa ketua-ketua parti menghadap Yang di-Pertuan Agong dan membuat bilangan secara pukal tanpa perlu memperinci siapa ahli-ahli Parlimen yang menyokongnya,” ujarnya.

Mahathir turut menjelaskan sejak pengisytiharan Muhyiddin sebagai Perdana Menteri, beliau sudah mengemukakan usul undi tidak percaya pada 18 Mei lalu di Dewan Rakyat namun hasrat tersebut tidak kesampaian kerana urusan kerajaan harus diberi keutamaan.

“Jika beliau berjaya mengalahkan undi tidak percaya itu, tidak timbul lagi isu dia tidak mendapat sokongan majoriti wakil rakyat. Jika beliau kalah, wakil rakyat berpeluang mengusulkan calon Perdana Menteri baharu dan terlalu banyak tekanan berkaitan legitimasi.

“Apa yang berlaku adalah sesuatu yang saya telah nyatakan kepada beliau sejak awal lagi dan hari ini jelas apa yang saya jangka sedang berlaku manakala kenyataan Ahmad Zahid juga mengesahkan bahawa sokongan daripada UMNO memang bersyarat,” katanya.